

Diterima dan direkodkan

pada 14/3/07

Hakmilik

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(Perniagaan)

Berita

Kuala Lumpur City News

BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.3 Mac 2007/Safar- Rabiulawal 1428H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


SETAHUN SELEPAS DIBUKA



Orang ramai selesa melakukan urusan di Kaunter Khidmat Pelanggan - Gambar Berita Bandaraya

Statistik Jumlah Pelanggan Yang Menggunakan Perkhidmatan Seksyen Khidmat Pelanggan

Unit Khidmat Pelanggan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah beroperasi genap setahun pada bulan Mac 2007 ini telah banyak memudahkan urusan orang awam dalam mendapatkan perkhidmatan, maklumat dan juga khidmat nasihat. Unit ini juga turut menyediakan kaunter-kaunter untuk orang ramai mengemukakan aduan berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh DBKL.



Secara keseluruhannya, jumlah orang awam yang telah berurusan melalui Unit Khidmat Pelanggan daripada tarikh ianya dirasmikan sehingga 28 Februari 2007 adalah seramai 41,045 (melibatkan pelbagai urusan). Namun begitu jumlah ini adalah tidak termasuk dengan jumlah pelanggan yang berurusan dengan Kaunter Bayaran. Selain itu, unit ini juga kerap kali menerima kunjungan orang ramai yang meminta khidmat nasihat daripada DBKL selaku Pihak Berkuasa Tempatan.

Daripada jumlah 41,045, didapati bahawa Kaunter Jabatan Perancang Bandar merekodkan jumlah urusan pelanggan yang tertinggi iaitu sebanyak 23,368 orang diikuti dengan 11,931 orang pelanggan di Kaunter Jabatan Kerja Awam.

Dengan wujudnya unit ini, urusan warga kota dapat dipermudahkan kerana kini mereka tidak perlu ke setiap jabatan yang terlibat bagi menyelesaikan sesuatu urusan.

DARI MEJA DATUK BANDAR



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi penggerak bagi pembangunan di Kuala Lumpur, sentiasa berusaha memastikan usaha-usaha pembangunan di Kuala Lumpur baik yang dilaksanakan oleh

DBKL sendiri mahupun secara penswastaan, dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya memberi manfaat kepada seluruh penduduk Kuala Lumpur.

Dalam membangunkan Kuala Lumpur, aspek keselesaan warga kota turut diberi perhatian. Sebagai contoh, sebuah pasar sementara telah dibina di Mukim Petaling bagi menangani masalah penduduk setempat di mana pasar ini turut menempatkan beberapa gerai yang menjual khinzir bagi menampung permintaan penduduk yang bukan beragama Islam.

DBKL juga turut sama memberi penekanan dalam aspek pembangunan sukan di mana pelbagai perancangan bagi membangunkan sukan seperti menyediakan kemudahan logistik dan latihan serta prasarana sukan dalam memastikan pembangunan sukan dapat dilaksanakan. Segala keperluan kemudahan dan program sukan yang disediakan ini dilaksanakan agar semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada kemudahan ini tanpa mengira usia contohnya seperti mengadakan seperti senamrobik pada setiap pagi Ahad di taman-taman rekreasi di Kuala Lumpur di mana ia dilihat sebagai satu cara untuk melibatkan warga kota daripada pelbagai peringkat umur.

tidak dipandang enteng oleh DBKL kerana masyarakat yang berbilang kaum memerlukan persefahaman yang tinggi. Menyedari hakikat inilah DBKL menganjurkan pelbagai program yang melibatkan pelbagai kaum di Kuala Lumpur. Antaranya ialah Program Sukan Bersama Rakyat dan Sukan di antara Parlimen di Kuala Lumpur. Ini dilihat sebagai salah satu cara yang berpotensi untuk mengintegrasikan semua lapisan rakyat dengan matlamat 'Malaysia Cergas' dan 'Malaysia Boleh'. Selain mampu melahirkan lebih ramai ahli sukan yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Selain menitikberatkan aspek pembangunan di Kuala Lumpur, DBKL juga berusaha untuk menambahbaik aspek penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Sebagai contoh melalui penubuhan Unit Khidmat Pelanggan pada tahun lalu, orang ramai boleh menyelesaikan urusan mereka di satu tempat sahaja (*one stop centre*). Walaupun baru sahaja setahun beroperasi unit ini berjaya mengendalikan sebanyak 41,045 urusan (pelbagai urusan) di mana ternyata dengan wujudnya unit ini orang ramai dapat berurusan dengan DBKL dengan mudah. Namun begitu DBKL tidak hanya berpuas hati dengan keadaan sedia. Pelbagai usaha-usaha lain turut dijalankan bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan di DBKL. Diharapkan dengan usaha-usaha ini pembangunan di Kuala Lumpur daripada setiap aspek dapat berjalan dengan lancar bagi kemudahan dan keselesaan warga kota.

Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai lainnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373.** Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y. Bhg. Dato' Ab. Hakim Bin Borhan
Ketua Editor: Y. Bhg. Datuk Hj Salleh Bin Yusup
Editor: Mohd Sidek Bin Khalid
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md Ismail Bin Isnin

KELAB WARGA EMAS

Bersesuaian dengan matlamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam memastikan proses pembangunan masyarakat bergerak selaras dengan kemajuan negara banyak program-program telah dianjurkan untuk warga Kuala Lumpur. Antara golongan yang turut diberi perhatian adalah Golongan Warga Emas di mana sebuah kelab yang diberi nama Kelab Warga Emas telah ditubuhkan. Takrifan bagi warga emas ini adalah bagi individu yang berusia 60 tahun ke atas di mana takrifan ini dibuat di 'World Assembly On Aging In 1982' di Vienna.

Kelab ini ditubuhkan untuk mewujudkan dan menyediakan kemudahan bagi kegunaan golongan warga emas. Antara aktiviti yang sering dijalankan ialah:

- Kelas Fardhu Ain
- Kelas Al-Quran
- Senaman Tai Chi
- Kelas Marhaban
- Senamrobik
- Kelas Jahitan
- Kelas Komputer
- Program lawatan (diadakan tiga atau empat bulan sekali)

Selain menganjurkan aktiviti-aktiviti ini, DBKL turut menyediakan kemudahan gymnasium, reflexology, peralatan muzik, permainan seperti catur, karom dan sebagainya di pusat-pusat yang disediakan. Pusat-pusat ini juga turut dilengkapi dengan kemudahan komputer, televisyen, radio, bahan bacaan serta hawa dingin bagi memastikan keselesaan warga emas ini terjaga.

Kini DBKL telah menyediakan tiga buah pusat bagi memudahkan warga emas dapat menikmati kemudahan kelab ini dengan mudah. Warga Emas boleh mengunjungi kelab-kelab ini di:

Kelab Warga Emas Jalan Siakap
1/89A Jalan Siakap,
KM6, Jalan Cheras,
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-9173 1657



Batu-batu reflexology turut diletakkan di sekitar kawasan kelab untuk kemudahan warga emas yang berdaftar
- Gambar Berita Bandaraya



Antara kemudahan yang disediakan - Gambar Berita Bandaraya

Kelab Warga Emas Bandar Tun Razak
Lorong Ikhlas I
Bandar Tun Razak
56000 Kuala Lumpur
Tel: 03-9171 3124

Kelab Warga Emas Sri Perlis II
Sri Perlis 2, Keramat Jaya
54000 Kuala Lumpur
Tel: 03-4252 2659

Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam
(8 pagi sehingga 5 petang) - 03-2617 9925
Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)
- 1800 882 600
Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)
- 03-4022 0033 / 4024 4424
Skwad Penyelamat (24 jam) - 03-4023 1033 / 4023 1133
Unit Kecemasan (24 jam) - 03-9284 3636 / 3434 / 3433

Rakan Cop

<u>Negeri</u>	<u>Hotline</u>
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800